



**PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT
OPEN SOURCE SOFTWARE (MYGOSS) 2011**

AGENSI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

TAJUK INOVASI
SISTEM PENILAIAN PRESTASI KAKITANGAN AKADEMIK
(SISTEM ePRESTASI AKADEMIK (DS & VK))

LAMPIRAN A



BORANG PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE
(MYGOSS) 2011

1. Nama Organisasi:

PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

2. Nama Projek OSS Yang Dicalonkan:

SISTEM PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK GRED DS&VK
(ePRESTASI GRED DS & VK)

3. Tarikh (bulan & tahun) projek yang dicalonkan mula beroperasi:

Disember 2010

4. Maklumat pegawai yang membuat pencalonan:

Nama: EN. IDRIS TAKYAN

Jawatan: PENGARAH

Agensi: PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT, UNIVERSITI SAINS ISLAM
MALAYSIA

Alamat: PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA,
71800 BANDAR BARU NILAI,
NEGERI SEMBILAN

Telefon: 06-798 6006

Faks: 06-798 6050

E-mel: pengarah.ptm@usim.edu.my

5. Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut:

Nama:	PN. NORWINI BINTI ZAIDI
Jawatan:	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
Telefon:	06-798 6084
Faks:	06-798 6050
E-mel:	wini@usim.edu.my



LAPORAN PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE
(MYGOSS) 2011

Nama Projek: SISTEM PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK GRED
 DS&VK
 (ePRESTASI AKADEMIK GRED DS&VK)

1. Profil Kementerian / Jabatan / Institusi (maksimum 200 patah perkataan)

USIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-12 di Malaysia dan didaftarkan dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (sebelum ini dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia). Tujuan penubuhan USIM adalah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan pembelajarannya dengan medium perantaraannya adalah Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Pusat Teknologi Maklumat telah mula beroperasi sejak 1 Feb 2010 sebagai satu pusat servis yang memberikan fokus kepada perkhidmatan ICT. Dengan penstrukturan USIM yang baru, PTM kini diketuai oleh seorang Pengarah dan dua orang Timbalan Pengarah yang dilantik oleh pihak pengurusan Universiti. PTM dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Infratraktur ICT dan Bahagian Sistem Maklumat. Terdapat unit kerja di bawah setiap bahagian yang menjalankan pelbagai perkhidmatan yang disediakan.

2. Sinopsis Projek (maksimum 150 patah perkataan)

Bagi projek:
 # Ringkasan / Keterangan
 # Faedah kepada orang awam / Kerajaan
 # Kelebihan / keistimewaan projek
 # Mengapa projek layak memenangi Anugerah MYGOSS

Ringkasan

Sistem ePrestasi Akademik ini dibangunkan berdasarkan hasrat dan cetusan idea daripada Ketua Projek Sistem ePrestasi Akademik iaitu Y. Bhg Dato' Naib Canselor USIM. Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan proses penilaian prestasi staf akademik dibuat dengan adil, objektif dan telus bagi menggantikan proses manual LNPT Staf Akademik. Pengukuran prestasi setiap staf akademik adalah berdasarkan kepada pencapaian sebenar program dan aktiviti yang dijalankan pada tahun penilaian semasa. Data-data penilaian akan dijana secara automatik melalui sistem-sistem yang diintegrasikan dengan Sistem ePrestasi Akademik iaitu Sistem Munazzim, eAkademik, Al-'Aaliyah, Al-'Ulyaa, Al-Bathiyah, Tamhidi, eNilai dan myTRAMS. Markah penilaian untuk setiap kriteria-kriteria dalam Sistem ePrestasi Akademik akan dijana berdasarkan skala pemarkahan yang telah ditentukan oleh Ahli-ahli Mesyuarat Projek Sistem ePrestasi Akademik yang terdiri daripada dekan-dekan dan dipengerusikan oleh Ketua Projek. Tempoh penilaian yang diambil kira adalah bermula daripada 1 Januari tahun penilaian atau mulai tarikh melapor diri sehingga 31 Disember tahun penilaian.

3. Teknologi yang digunakan (maksimum 150 patah perkataan)

Penggunaan development tools, pangkalan data, language, teknologi, platform, dan lain-lain

Antaramuka sistem dibangunkan menggunakan perisian Code Charge Studio dengan bahasa pengaturcaraan PHP, HTML dan JavaScript. Pangkalan data Sybase digunakan bagi pembangunan pangkalan data dan Apache digunakan sebagai web service.

4. Kelebihan / Keunikan (maksimum 350 patah perkataan)

Faedah kepada orang awam / Kerajaan
 # Kelebihan projek berbanding projek lain
 # Kelainan konsep dan idea bagi projek
 # Peningkatan keberkesanan (termasuk mengurangkan birokrasi)
 # Perkongsian maklumat
 # Lain-lain

Faedah

Sistem ini telah berjaya mencapai objektif dimana telah membantu Bahagian Modal Insan (BMI) dalam menguruskan LNPT secara atas talian dengan

bersistematik, menjadikan penilaian lebih adil dan telus serta mencapai sasaran dan halatuju Universiti, mengurangkan kos pencetakan borang LNPT yang perlu diedarkan kepada seluruh staf akademik pada setiap tahun, mengurangkan masalah kutipan semula borang-borang LNPT untuk tujuan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia dan dapat mengelakkan kelewatan proses pergerakan gaji tahunan staf akademik terutama yang melibatkan pergerakan gaji tahunan pada bulan Januari pada setiap tahun. Produktiviti kerja juga meningkat dengan kos yang lebih rendah kerana kos bayaran kerja lebih masa dan kos pencetakan borang LNPT berjaya dikurangkan. Tempoh masa dari segi urusan penyerahan dan kutipan semula borang LNPT juga berjaya dijimatkan kerana setiap proses penyerahan dilakukan secara atas talian.

Kelebihan/Keistimewaan

Sistem ini juga mudah untuk digunakan kerana penilaian dan pengiraan markah secara automatik berdasarkan skala dan wajaran yang telah ditetapkan. Sistem ini juga berjaya memberi impak kepada Universiti dalam peningkatan produktiviti dan kualiti kepada pengguna khususnya dan pemantauan sepanjang tempoh penilaian boleh dibuat oleh BMI melalui sistem di bawah Modul Pentadbir. Konsep penilaian sendiri yang diterap di dalam Sistem ini juga telah memberi impak kepada setiap individu itu sendiri supaya dapat menilai kebolehan diri sendiri bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti masing-masing. Secara keseluruhannya, Sistem ePrestasi Akademik ini berpotensi untuk dikomersilkan berdasarkan permintaan pasaran sekarang kerana kriteria-kriteria yang diguna pakai merupakan elemen penting bagi setiap Universiti di Malaysia dimana penilaian lebih menjurus kepada pencapaian keseluruhan Universiti.

Konsep dan Idea

Sistem ini merupakan idea dan inovasi asli dimana format penilaian (Kriteria, Wajaran dan Skala) ditentukan sendiri oleh Ketua Projek iaitu Y.Bhg Dato' NC dan Dekan-dekan bersama ahli Pasukan Projek Sistem ePrestasi.

Penilaian dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

Bhg.I – Penghasilan Kerja (Prestasi) Akademik

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Perundingan dan Rekacipta
- Persidangan
- Khidmat Masyarakat dan Kepakaran
- Sumbangan dan Penglibatan Dalam USIM

Bhg.II – Pengetahuan, Kemahiran dan Pematuhan

Bhg.III – Kepimpinan, Kebolehan Mengurus dan Kualiti Peribadi

Skala penilaian adalah berbeza mengikut kategori staf akademik tersebut. Manakala markah penilaian bagi setiap kriteria adalah berdasarkan skala pemarkahan yang telah ditetapkan dengan mengikut kategori seperti perincian berikut:

Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4
Guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah *Penilaian untuk tutor (DA) adalah secara online menggunakan Sistem ePrestasi Pentadbiran	Pensyarah Gred DS dan VK45/ DS51/ DS52/ DS53, DS54 dan VK	Staf Akademik Yang Memegang Jawatan Khas Pentadbiran seperti Ketua Program, Penyelaras dan Pengetua.	Staf Akademik Yang Memegang Jawatan Khas Pentadbiran seperti Dekan, Timbalan Dekan Pengarah dan Timbalan Pengarah.

Peningkatan Keberkesanan

Tempoh masa bagi Penilaian Prestasi Tahunan Staf juga telah berjaya dikurangkan kerana 90% daripada markah bagi kriteria penilaian adalah dijana secara automatik oleh sistem berdasarkan Penghasilan Kerja yang diperolehi bagi tahun semasa. Tempoh masa dari segi urusan penyerahan dan kutipan semula borang LNPT oleh pihak Urusetia juga dapat dijimatkan kerana setiap proses penyerahan dilakukan secara online. Kualiti data juga terpelihara dan mengurangkan kesilapan memasukkan data kerana data dijana melalui proses integrasi dari sumber-sumber sistem yang lain (*reducing human error*). Hebahan dan makluman status penilaian dapat dilakukan dengan cepat kerana menggunakan emel USIM sebagai medium perantaraan. Kos bayaran kerja lebih masa staf di Seksyen Perkhidmatan berjaya dikurangkan kerana kerja-kerja cetakan, kutipan dan pengurusan LNPT telah dikurangkan dengan penggunaan sistem.

5. Inovasi (maksimum 350 patah perkataan)

- # Penggunaan teknologi atau metodologi secara inovatif
- # Keaslian atau penambahbaikan
- # Keaslian konsep atau pelaksanaan (reka bentuk / pembangunan dan/atau pemasaran)
- # Ciri-ciri / fungsi yang ketara
- # Teknik pembangunan, penyelidikan atau pemasaran yang kreatif
- # Teknologi enabling
- # Menggunakan pelbagai teknologi untuk menghasilkan inovasi dan penyelesaian yang berkesan

Markah prestasi dapat diperolehi dengan telus dan efektif dengan menggunakan data-data dari Sistem-Sistem sedia ada telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen penuh daripada semua ahli Pasukan Projek Sistem ePrestasi. Struktur logikal sistem yang fleksibel membolehkan kriteria, skala dan wajaran diubah suai / *customize* mengikut keperluan semasa. Selain itu, penilaian prestasi ini adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang selari dengan KPI USIM sekaligus dapat menepati sasaran dan halatuju USIM. Di samping itu, Sistem ePrestasi ini telah menyelesaikan masalah Universiti untuk mendapatkan markah penilaian prestasi staf secara sistematik, telus dan efektif. Sistem eprestasi ini juga berjaya memberi impak kepada Universiti dan peningkatan produktiviti dan kualiti kepada Pensyarah khususnya apabila setiap kriteria yang dinilai dan markah yang diperolehi dijana terus daripada Sistem-Sistem yang berkaitan dengan pensyarah

tersebut.

Data-data penilaian dijana secara automatik melalui sistem-sistem yang diintegrasikan dengan sistem ePrestasi iaitu Sistem eAkademik (Data Penulisan dan Penerbitan, Khidmat Masyarakat dan Sumbangan Kepakaran), Al-Bathiyah (Data Penyelidikan dan Persidangan), Al-Aaliyah (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Pra-Siswazah), Al-Ulyaa (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Pasca Siswazah), Tamhidi (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Matrikulasi/Asasi), eNilai (Data Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran oleh Pelajar), Munazzim (Data Maklumat Staf) dan myTRAMS (Data Latihan dan Kursus). Markah bagi setiap kriteria penilaian dijana berdasarkan skala pemarkahan yang telah ditetapkan dimana Format penilaian (Kriteria, Wajaran dan Skala) ditentukan sendiri oleh Ketua Projek iaitu Y.Bhg Dato' NC dan Dekan-dekan bersama ahli Pasukan Projek Sistem ePrestasi.

6. Kualiti / Pengiktirafan (maksimum 350 patah perkataan)

- # Piawaian kebangsaan atau antarabangsa yang digunakan
- # Metodologi projek
- # Keberkesanan kos
- # Peningkatan produktiviti dan keberkesanan
- # Kepakaran kakitangan
- # Keberkesanan projek
- # Tahap bantuan dan sokongan projek
- # Kejayaan pelaksanaan
- # Pengiktirafan oleh pelanggan / pengguna
- # Diakui oleh pakar bidang yang berkaitan projek
- # Pengiktirafan komuniti atau media
- # Pengiktirafan atau pencapaian dalam industri dan Kerajaan
- # Pencapaian pengiktirafan antarabangsa
- # Hasil yang boleh diukur – mencapai sasaran
- # Perkongsian pasaran
- # Beridentitikan Malaysia

Penglibatan dan komitmen yang sangat positif diperingkat pengurusan atasan dimana kesemua siri mesyuarat dan bengkel projek dipengerusikan oleh Y. Bhg Dato' Naib Canselor USIM dan disertai oleh dekan-dekan fakulti / pusat.

Beberapa siri taklimat pelaksanaan sistem di ketuai oleh Timb. Pendaftar BMI yang dianjurkan oleh Bahagian Modal Insan (BMI), Jabatan Pendaftar dan juga pertemuan / dialog diantara Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan semua pensyarah gred DS & VK telah diadakan berkaitan

Sistem ePrestasi Akademik dan penglibatan pensyarah-pensyarah gred DS & VK dalam beberapa siri bengkel keperluan pengguna, taklimat dan dialog.

Tiada impikasi kewangan kerana pembangunan sistem adalah secara dalaman (in-house) dan sumber manusia seramai dua orang staf kontrak kakitangan teknikal telah dikhaskan untuk membangunkan dan melaksanakan Projek Sistem ePrestasi

Sistem ini telah berjaya memperolehi Anugerah Inovasi dan Rekacipta USIM 2010. Proses penilaian prestasi melalui sistem ini telah berjaya memberi impak yang kepada peningkatan kualiti, produktiviti dan kepuasan pengguna seperti berikut:

- Tempoh masa proses penilaian telah berjaya dikurangkan kerana 90% daripada markah dijana secara automatik berdasarkan pencapaian sebenar / output bagi setiap kriteria penilaian yang ditetapkan.
- Urusan penyerahan dan kutipan semula borang LNPT oleh BMI / Urusetia juga dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan berkesan secara online;
- Penjimatan kos percetakan borang sebanyak 100%;
- Penilaian dapat dibuat dengan cepat dimana-mana sahaja lokasi yang mempunyai capaian internet tidak terhad dalam waktu pejabat;
- Proses kerja BMI / Urusetia LNPT ditingkatkan dan lebih teratur kerana kerana aliran kerja yang sistematik berdasarkan Jadual Operasi yang ditetapkan mulai proses arahan untuk menilai, pengesahan penilaian melalui email sehingga pemantauan status penilaian oleh setiap staf USIM.

- Konsep penilaian sendiri telah memberi impak kepada setiap individu supaya meningkatkan kualiti dan produktiviti masing-masing selaras dengan visi dan misi Universiti.

7. Potensi (maksimum 350 patah perkataan)

- # Potensi projek untuk diekspot, menghasilkan peluang pekerjaan atau meningkatkan ekonomi
- # Pelaksanaan yang lebih luas
- # Faedah kepada industri lain pada masa hadapan
- # Strategi pembangunan dan menerajui persaingan
- # Bidang-bidang yang dikenalpasti untuk peluasan / penambahbaikan

Sistem ePrestasi (Akademik Gred DS dan VK selain Profesor Perubatan dan Pergigian) berpotensi untuk dikomersilkan kerana kriteria yang diguna pakai merupakan bidang tujahan utama setiap Universiti.

Struktur logikal sistem yang fleksibel membolehkan kriteria, skala dan wajaran diubah suai/ *customize* berdasarkan keperluan semasa. Pembangunan dan pelaksanaan Sistem ePrestasi Akademik Gred DS dan VK selain Perubatan dan Pergigian) telah berjaya dilaksanakan dan telah mencapai matlamat seperti yang telah dirancang. Melalui proses pembelajaran (*lesson-learned*), boleh disimpulkan disini bahawa kejayaan yang bakal diperolehi dari Sistem ePrestasi (Akademik Gred DA dan DG) dan Sistem ePrestasi (Akademik Gred DU dan DUG) dapat meningkatkan lagi nilai komersilnya sekaligus sistem ini berpotensi untuk dipasarkan di setiap IPTA/ IPTS yang memerlukan.

8. Kandungan Tempatan (maksimum 350 patah perkataan)

- # Dibangunkan sepenuhnya di Malaysia atau
- # Dibangunkan sebahagian di Malaysia (nyatakan peratusan pembangunan di Malaysia)
- # Sekiranya pembangunan sebahagian di Malaysia, nyatakan modul yang dibangunkan di Malaysia
- # Sumbangan dan/atau penyelidikan yang dijalankan di Malaysia
- # Tambah nilai di Malaysia

Sistem ini dibangunkan sepenuhnya di Malaysia. Pelibatan dan komitmen yang sangat positif diperingkat pengurusan atasan dimana kesemua mesyuarat dan bengkel projek dipengerusikan oleh Y. Bhg Dato' Naib Canselor USIM dan disertai oleh dekan-dekan fakulti / pusat. Tiada impikasi kewangan kerana pembangunan sistem adalah secara dalaman (*in-house*). Sumber manusia seramai dua orang staf teknikal telah dikhaskan untuk membangunkan dan melaksanakan

Projek Sistem ePrestasi . Pembangunan sistem merangkumi modul-modul seperti berikut:

1. Penghasilan Kerja yang terdiri daripada lima aspek utama iaitu:
 - a. Pengajaran dan Pembelajaran,
 - b. Penulisan dan Penerbitan,
 - c. Penyelidikan, Persidangan dan Rekacipta,
 - d. Khidmat Masyarakat dan Kepakaran
 - e. Sumbangan terhadap Organisasi.
2. Pengetahuan, Kemahiran dan Pematuhan
3. Kepimpinan, Kebolehan Mengurus dan Kualiti Peribadi

**ePRESTASI (AKADEMIK GRED DS DAN VK)
SISTEM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF GRED DS DAN VK**

1.0 Latar Belakang Agensi

USIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-12 di Malaysia dan didaftarkan dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (sebelum

ini dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia). Tujuan penubuhan USIM adalah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan pembelajarannya dengan medium perantaraannya adalah Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Jabatan Pendaftar adalah teras pentadbiran USIM memandangkan di bawah jabatan ini terdapat bahagian yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan dengan pengurusan modal insan mulai lantikan sehingga bersara/ tamat perkhidmatan serta urusan berkaitan kemudahan/ hospitaliti untuk semua staf Universiti.

2.0 Latar Belakang Sistem

2.1 Pengenalan

Sistem ePrestasi Staf Akademik dibangunkan bagi membolehkan proses penilaian prestasi bagi staf akademik USIM untuk gred VK (Profesor selain Perubatan dan Pergigian) dan pensyarah gred DS dilaksanakan dengan adil, objektif dan telus. Kaedah penilaian secara *online*/ atas talian ini digunakan bagi menggantikan proses penilaian secara manual/ menggunakan borang.

Sistem ini membolehkan pengukuran prestasi staf akademik dibuat berdasarkan kepada pencapaian sebenar program/ aktiviti yang dijalankan pada tahun penilaian semasa berbanding kaedah penilaian yang dijalankan secara manual sebelum ini.

Data-data penilaian akan dijana secara automatik melalui sistem-sistem yang diintegrasikan dengan sistem ePrestasi iaitu Sistem

eAkademik (Data Penulisan dan Penerbitan, Khidmat Masyarakat dan Sumbangan Kepakaran), Al-Bathiyah (Data Penyelidikan dan Persidangan), Al-Aaliyah (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Pra-Siswazah), Al-Ulyaa (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Pasca Siswazah), Tamhidi (Data Pengajaran dan Pembelajaran untuk Program Pengajian Matrikulasi/Asasi), eNilai (Data Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran oleh Pelajar), Munazzim (Data Maklumat Staf) dan myTRAMS (Data Latihan dan Kursus). Markah bagi setiap kriteria penilaian dijana berdasarkan skala pemarkahan yang telah ditetapkan.

2.2 Kriteria Dan Skala Penilaian

Penilaian dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

2.2.1 Bhg.I – Penghasilan Kerja (Prestasi) Akademik

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Perundingan dan Rekacipta
- Persidangan
- Khidmat Masyarakat dan Kepakaran
- Sumbangan dan Penglibatan Dalam USIM

2.2.2 Bhg.II – Pengetahuan, Kemahiran dan Pematuhan

2.2.3 Bhg.III – Kepimpinan, Kebolehan Mengurus dan Kualiti Peribadi

2.2.4 Skala penilaian adalah berbeza mengikut kategori staf akademik tersebut. Rujuk Lampiran A untuk skala pemarkahan bagi setiap kriteria.

2.2.5 Markah penilaian bagi setiap kriteria adalah berdasarkan skala pemarkahan yang telah ditetapkan dengan mengikut kategori seperti perincian berikut:

Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4
<p>Guru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah</p> <p>*Penilaian untuk tutor (DA) adalah secara online menggunakan Sistem ePrestasi Pentadbiran</p>	<p>Pensyarah Gred DS dan VK45/ DS51/ DS52/ DS53, DS54 dan VK</p>	<p>Staf Akademik Yang Memegang Jawatan Khas Pentadbiran seperti Ketua Program, Penyelaras dan Pengetua.</p>	<p>Staf Akademik Yang Memegang Jawatan Khas Pentadbiran seperti Dekan, Timbalan Dekan Pengarah dan Timbalan Pengarah.</p>

2.3 Wajaran Penilaian

Wajaran dibezakan mengikut gred lantikan dan juga sumbangan staf kepada Universiti melalui pelantikan Jawatan Khas Pentadbiran (Dekan/Timbangan Dekan/ Pengarah/ Timbalan Pengarah/ Ketua Program/ Penyelaras/ Pengetua).

WAJARAN PENILAIAN PENSYARAH GRED DS DAN VK						
Gred	Warganegara & Bukan Warganegara					
	45	51/52	53/54	VK	Pentadbir	SLAK
	BAHAGIAN I - PENGHASILAN KERJA (PRESTASI) AKADEMIK	80%	80%	80%	80%	65%
A Pengajaran Dan Penyeliaan	40%	35.0%	30.0%	20.0%	20.0%	35.0%
B Penulisan Dan Penerbitan	15.0%	15.0%	15.0%	20.0%	10.0%	20.0%
C Penyelidikan, Perundingan Dan Rekacipta	10.0%	15.0%	15.0%	20.0%	10.0%	5.0%
D Persidangan	5.0%	5.0%	5.0%	5.0%	5.0%	5.0%
E Khidmat Masyarakat Dan Kepakaran	5.0%	5.0%	10.0%	10.0%	10.0%	5.0%
F Sumbangan Dan Penglibatan Dalam USIM	5.0%	5.0%	5.0%	5.0%	10.0%	10.0%
BAHAGIAN II	10%	10%	10%	10%	10%	10%
PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN PEMATUHAN						
BAHAGIAN III	10%	10%	10%	10%	25%	10%
KEPIMPINAN, KEMAMPUAN MENGEKSEKUTUSI DAN KUALITI PERIBADI						
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN	100%	100%	100%	100%	100%	100%

2.4 Objektif Pembangunan Sistem

Objektif Pembangunan Sistem ePrestasi Akademik adalah seperti berikut:

2.4.1 Memastikan urusan penilaian prestasi dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan berkesan;

2.4.2 Memastikan penilaian prestasi dibuat dengan objektif, adil dan telus berdasarkan pencapaian sebenar dalam sesuatu tahun penilaian dan selaras dengan visi dan misi Universiti;

2.4.3 Menjimatkan kos percetakan borang dan kos-kos lain yang berkaitan; dan

2.4.4 Mempercepatkan proses kerja lain yang berkaitan dengan urusan LNPT (contohnya proses pergerakan gaji tahunan).

2.5 Tempoh Pelaksanaan Sistem

Tempoh Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem adalah selama 13 bulan seperti perincian di **JADUAL I** berikut:

Bil	Perkara	Sasaran
1.	Kelulusan Kertas Kerja Pembangunan Sistem ePrestasi Akademik - Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Bil 1/2009 pada 15 April 2009	15 April 2009
2.	Pembangunan sistem	1 November 2009
3.	Bengkel LNPT Kump Akademik (Prof/Prof Madya/Pensyarah Kanan/Pensyarah) Bil 1/2010	20 April 2010

	<ul style="list-style-type: none"> - Analisa kriteria vs kumpulan pensyarah - Penetapan wajar vs kriteria - Penetapan skala pemarkahan vs criteria 	
4.	Bengkel LNPT Kump Akademik (Prof/Prof Madya/Pensyarah Kanan/Pensyarah) Bil 2/2010	25 – 26 Ogos 2010
5.	Bengkel LNPT Kump Akademik (Prof/Prof Madya/Pensyarah Kanan/Pensyarah) Bil 3/2010	3 September 2010
6.	Perubahan sistem berdasarkan Bengkel Analisa LNPT Kump Akademik	September – November 2010
7.	Pengujian dan simulasi (User Acceptance Test) dan perubahan sistem	20 Disember 2011
8.	Perlaksanaan dan Pemantauan	Januari – Februari 2011

2.6 Lokasi Penggunaan Sistem

Sistem ePrestasi Akademik VK (Profesor selain Perubatan dan Pergigian) dan pensyarah gred DS secara rasminya telah dilaksanakan pada 7 Januari 2011 di seluruh Kampus Nilai dan Kampus Pandan Indah.

3.0 Masalah/ Isu Sebelum Sistem ePrestasi Diperkenalkan

Pendekatan penilaian secara automatik ini merupakan kaedah terbaik dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan penilaian prestasi seperti berikut:

- 3.1 Kriteria Penilaian – Penilaian berdasarkan kriteria yang terlalu umum dan subjektif serta tidak menepati sasaran dan halatuju USIM;
- 3.2 Kos – Kos cetakan borang dan tuntutan kerja lebih masa yang meningkat dari setahun ke setahun selaras dengan pertambahan staf;
- 3.3 Birokrasi – Urusan penyerahan borang penilaian LNPT kepada setiap individu di setiap jabatan serta urusan kutipan borang penilaian LNPT yang tidak efisien; dan
- 3.4 Masa – Proses kerja penilaian prestasi mengambil masa yang lama kerana Pegawai Penilai perlu membuat semakan secara manual pada data-data lain yang berkaitan.

4.0 Faedah Pelaksanaan Sistem

Proses penilaian prestasi melalui Sistem ePrestasi akademik telah memberi impak yang kepada peningkatan kualiti, produktiviti dan kepuasan pengguna seperti berikut:

- 4.1 Tempoh masa proses penilaian telah berjaya dikurangkan kerana 90% daripada markah dijana secara automatik berdasarkan pencapaian sebenar/ output bagi setiap kriteria penilaian yang ditetapkan;

- 4.2 Urusan penyerahan dan kutipan semula borang LNPT oleh BMI/ Urusetia juga dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan berkesan secara *online*;
- 4.3 Penjimatan kos percetakan borang sebanyak 100%- ‘Zero Cost’;
- 4.4 Penilaian dapat dibuat dengan cepat dimana-mana sahaja lokasi yang mempunyai capaian internet tidak terhad dalam waktu pejabat;
- 4.5 Proses kerja BMI/ Urus setia urusan LNPT ditingkatkan dan lebih teratur kerana kerana aliran kerja yang sistematik berdasarkan Jadual Operasi yang ditetapkan mulai proses arahan untuk menilai, pengesahan penilaian melalui email sehingga pemantauan status penilaian oleh setiap staf USIM.
- 4.6 Konsep penilaian sendiri telah memberi impak kepada setiap individu supaya meningkatkan kualiti dan produktiviti masing-masing selaras dengan visi dan misi Universiti.
- 4.7 Perincian faedah pelaksanaan inovasi berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan seperti di **JADUAL II** berikut:

BIL	KRITERIA	PENERANGAN	CATATAN
1.	Kreativiti	Inovasi yang diperkenalkan adalah kreativiti baru/idea asli.	<ul style="list-style-type: none"> 1. Kertas kerja telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Bil 1/2009 pada 15 April 2009 2. Hasrat NC USIM adalah untuk mendapatkan markah prestasi dengan telus dan efektif dengan menggunakan data-data dari Sistem-Sistem sedia ada telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen penuh daripada semua ahli Pasukan

			<p>Projek Sistem ePrestasi.</p> <p>3. Format penilaian (Kriteria, Wajaran dan Skala) ditentukan sendiri oleh Ketua Projek iaitu Y.Bhg Dato' NC dan Dekan-dekan bersama ahli Pasukan Projek Sistem ePrestasi.</p>
2.	Tahap Pelaksanaan	Sistem telah dilaksanakan sepenuhnya mulai 7 Januari 2011	Fasa pertama Sistem ePrestasi Akademik dilaksanakan untuk staf akademik gred VK(Profesor selain Perubatan dan Pergigian)
3.	<i>Replicability</i>	Inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi dan pihak-pihak lain secara terus atau dengan diubahsuai mengikut keperluan	<p>1. Berpotensi untuk dikomersilkan kepada setiap IPTA/IPTS di Malaysia dengan pengubahsuaian mengikut keperluan.</p> <p>2. Struktur logikal sistem yang fleksibel membolehkan kriteria, skala dan wajaran diubah suai/ <i>customize</i> berdasarkan keperluan semasa.</p>
2.	Efisien	Inovasi menyumbang kepada cara bekerja yang lebih cekap, cepat, tepat dan mudah serta meningkatkan produktiviti hasil kerja organisasi dengan kos yang lebih rendah	<p><u>Penjimatan Masa</u></p> <p>1. Tempoh masa bagi Penilaian Prestasi Tahunan Staf juga telah berjaya dikurangkan kerana 90% daripada markah bagi kriteria penilaian adalah dijana secara automatik oleh sistem berdasarkan Penghasilan Kerja yang diperolehi bagi tahun semasa.</p> <p>2. Tempoh masa dari segi urusan penyerahan dan kutipan semula borang LNPT oleh pihak Urusetia juga dapat dijimatkan kerana setiap proses penyerahan dilakukan secara <i>online</i>.</p> <p><u>Kualiti</u></p> <p>1. Kualiti data terpelihara dan mengurangkan kesilapan kemasukkan data kerana data dijana melalui proses integrasi dari sumber-sumber sistem yang lain (<i>reducing human error</i>).</p> <p><u>Mudah digunakan</u></p> <p>1. Pengiraan markah secara automatik</p> <p>2. Capaian menu yang fleksibel (boleh akses <i>page by page</i> ATAU <i>jump to any page</i>)</p> <p>3. Emel USIM sebagai medium perantaraan (makluman penghantaran) .</p>

			<p><u>Produktiviti meningkat dengan kos yang lebih rendah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kos pencetakan borang LNPT berjaya dikurangkan 2. Kos bayaran kerja lebih masa staf di Seksyen Perkhidmatan berjaya dikurangkan
3.	Signifikan	Inovasi memberi impak yang ketara kepada peningkatan kualiti, produktiviti dan kepuasan pelanggan	<p><u>Impak kepada Universiti, Fakulti & Unit</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian berdasarkan kriteria-kriteria yang selari dengan KPI USIM sekaligus dapat menepati sasaran dan halatuju USIM . 2. Menyelesaikan masalah Universiti untuk mendapatkan markah penilaian prestasi staf secara sistematik, telus dan efektif. 3. Berjaya memberi impak kepada Universiti dan peningkatan produktiviti dan kualiti kepada Pensyarah khususnya apabila setiap kriteria yang dinilai dan markah yang diperolehi dijana terus daripada Sistem-Sistem yang berkaitan dengan pensyarah tersebut cth: Sistem Al-Aliyah, Sistem e-Akademik, Sistem eNilai dan lain-lain Sistem.
6.	Komitmen Pengurusan Atasan	Pihak pengurusan atasan dan juga dekan-dekan fakulti turut terlibat dalam proses pembangunan sistem.	<p><u>Penglibatan & Sokongan Pengurusan Atasan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penglibatan dan komitmen yang sangat positif diperingkat pengurusan atasan dimana 9 siri mesyuarat dan bengkel projek dipengerusikan oleh Y. Bhg. DNC USIM dan disertai oleh dekan-dekan fakulti/pusat sepanjang pembangunan sistem. 2. Dua (2) siri taklimat pelaksanaan sistem di ketuai oleh Timb. Pendaftar BMI yang dianjurkan oleh BMI, Jabatan Pendaftar. 3. Dua (2) siri pertemuan/dialog diantara Y. Bhg. TNCAA dengan semua pensyarah gred DS & VK telah diadakan berkaitan Sistem ePrestasi Akademik 4. Penglibatan pensyarah-pensyarah gred DS & VK dalam beberapa siri

			<p>bengkel keperluan pengguna, taklimat, dialog dsb.</p> <p><u>Kewangan</u> Impikasi kewangan yang sangat minimum kerana pembangunan sistem adalah secara dalaman (<i>in-house</i>)</p>
--	--	--	--

5.0 Potensi Sistem ePrestasi Akademik

- 5.1 Sistem ePrestasi (Akademik Gred DS dan VK selain Profesor Perubatan dan Pergigian) berpotensi untuk dikomersilkan kerana kriteria yang diguna pakai merupakan bidang tujuhan utama setiap Universiti.
- 5.2 Struktur logikal sistem yang fleksibel membolehkan kriteria, skala dan wajaran diubah suai/ *customize* berdasarkan keperluan semasa.
- 5.3 Pembangunan dan pelaksanaan Sistem ePrestasi (Akademik Gred DS dan VK selain Perubatan dan Pergigian) fasa 2 telah berjaya dilaksanakan dan telah mencapai matlamat seperti yang telah dirancang. Melalui proses pembelajaran (*lesson-learned*) dari fasa 1 dan 2, boleh disimpulkan disini bahawa kejayaan yang bakal diperolehi dari Sistem ePrestasi (Akademik Gred DA dan DG) Fasa 3 dan Sistem ePrestasi (Akademik Gred DU dan DUG) Fasa 4 dapat meningkatkan lagi nilai komersilnya sekaligus sistem ini berpotensi untuk dipasarkan di setiap IPTA/ IPTS yang memerlukan.

6.0 Gambar-Gambar Inovasi

6.1 Perbandingan Proses Kerja Sebelum dan Selepas Inovasi

SEBELUM	SELEPAS
<p>Cetakan Borang Penilaian</p>	<p>Borang Penilaian <i>Online</i></p>
	
<p>Semakan Status/Pemantauan Penilaian Secara Manual</p>	<p>Semakan Status/Pemantauan Penilaian Secara <i>Online</i></p>
	

**Penilaian Secara
Manual/Menggunakan Borang**



Penilaian Secara *Online*



6.2 Sesi Taklimat Kepada Pengguna



6.3 Bengkel Penetapan Kriteria dan Skala Penilaian



BAHAGIAN III
PENGHASILAN KERJA (PRESTASI) AKADEMIK

(A) Pengajaran dan Penyeliaan

KRITERIA (Dinilai berasaskan SKT)	Catatan	Tindakan (Setuju / Tidak Setuju)																																																																	
KUANTITI HASIL KERJA (40 MARKAH)																																																																			
<p>(i) Bilangan jam Pengajaran & Pembelajaran (P&P)</p> <table border="1" data-bbox="212 678 753 1328"> <thead> <tr> <th>Jam</th> <th>Tanda Aras/ tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kat 1: Antara 20 jam/minggu bagi Guru / PPPS</td> <td>21 jam</td> </tr> <tr> <td>Kat 2: Antara 11-13 jam/minggu bagi Pensyarah</td> <td>24 Jam</td> </tr> <tr> <td>Kat 3: Antara 6-8 jam / minggu Untuk staf akademik yang memegang jawatan Khas Pentadbiran (cth: Ketua Program / Penyelaras dll)</td> <td>14 Jam</td> </tr> <tr> <td>Kat 4: Antara 4- 6jam / minggu utk Dekan / Timb Dekan / Pengarah / Timb Pengarah</td> <td>10 Jam</td> </tr> </tbody> </table>	Jam	Tanda Aras/ tahun	Kat 1: Antara 20 jam/minggu bagi Guru / PPPS	21 jam	Kat 2: Antara 11-13 jam/minggu bagi Pensyarah	24 Jam	Kat 3: Antara 6-8 jam / minggu Untuk staf akademik yang memegang jawatan Khas Pentadbiran (cth: Ketua Program / Penyelaras dll)	14 Jam	Kat 4: Antara 4- 6jam / minggu utk Dekan / Timb Dekan / Pengarah / Timb Pengarah	10 Jam	<ul style="list-style-type: none"> Al-a`liyah/al-uliyah/tamhidi termasuk Kuliah+Tutorial+Lab+dll <p>Formula: $(\sum \text{Jam Pengajaran sebenar X bil minggu mengajar}) + \text{Sem 2} + \text{Sem 3}$</p> <p>* Team teaching→ pembahagian jam pengajaran bagi pensyarah yang terlibat perlu ditentukan terlebih dahulu. (Tindakan Pasukan Teknikal al-aliyah / al-uliyah)</p> <p>**Team teaching akan diambil kira pada semester hadapan</p>	<p>Skala Penilaian</p> <table border="1" data-bbox="1346 662 1892 1334"> <thead> <tr> <th>Kat 1</th> <th>Kat 2</th> <th>Kat 3</th> <th>Kat 4</th> <th>Nilai Pencapaian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td>> 368</td> <td>>224</td> <td>>169</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td></td> <td>328-368</td> <td>200-224</td> <td>151-169</td> <td>27</td> </tr> <tr> <td></td> <td>287-327</td> <td>175-199</td> <td>132-150</td> <td>24</td> </tr> <tr> <td></td> <td>246-286</td> <td>150-174</td> <td>113-131</td> <td>21</td> </tr> <tr> <td></td> <td>205-245</td> <td>125-149</td> <td>94-112</td> <td>18</td> </tr> <tr> <td></td> <td>164-204</td> <td>100-124</td> <td>75-93</td> <td>15</td> </tr> <tr> <td></td> <td>123-163</td> <td>75-99</td> <td>56-74</td> <td>12</td> </tr> <tr> <td></td> <td>82-122</td> <td>50-74</td> <td>37-55</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td></td> <td>41-81</td> <td>25-49</td> <td>19-36</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td></td> <td>40</td> <td>24</td> <td>18</td> <td>3</td> </tr> </tbody> </table>	Kat 1	Kat 2	Kat 3	Kat 4	Nilai Pencapaian		> 368	>224	>169	30		328-368	200-224	151-169	27		287-327	175-199	132-150	24		246-286	150-174	113-131	21		205-245	125-149	94-112	18		164-204	100-124	75-93	15		123-163	75-99	56-74	12		82-122	50-74	37-55	9		41-81	25-49	19-36	6		40	24	18	3
Jam	Tanda Aras/ tahun																																																																		
Kat 1: Antara 20 jam/minggu bagi Guru / PPPS	21 jam																																																																		
Kat 2: Antara 11-13 jam/minggu bagi Pensyarah	24 Jam																																																																		
Kat 3: Antara 6-8 jam / minggu Untuk staf akademik yang memegang jawatan Khas Pentadbiran (cth: Ketua Program / Penyelaras dll)	14 Jam																																																																		
Kat 4: Antara 4- 6jam / minggu utk Dekan / Timb Dekan / Pengarah / Timb Pengarah	10 Jam																																																																		
Kat 1	Kat 2	Kat 3	Kat 4	Nilai Pencapaian																																																															
	> 368	>224	>169	30																																																															
	328-368	200-224	151-169	27																																																															
	287-327	175-199	132-150	24																																																															
	246-286	150-174	113-131	21																																																															
	205-245	125-149	94-112	18																																																															
	164-204	100-124	75-93	15																																																															
	123-163	75-99	56-74	12																																																															
	82-122	50-74	37-55	9																																																															
	41-81	25-49	19-36	6																																																															
	40	24	18	3																																																															

<p>(ii) Bilangan Penyeliaan yang dikendalikan</p> <p>Penyelia Utama / thn</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bilangan Pelajar mengikut Program</th> <th>Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Phd</td> <td>50</td> </tr> <tr> <td>1 Master Tesis</td> <td>25</td> </tr> <tr> <td>1 Master Projek</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>1 Diploma Siswazah</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>1 Latihan Industri / Praktikum</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table> <p>Penyelia Bersama</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bilangan Pelajar mengikut Program</th> <th>Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Phd</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>1 Master Tesis</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>1 Master Projek</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>1 Diploma Siswazah</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>1 Latihan Industri / Praktikum</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p>AJK Penyeliaan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bilangan Pelajar mengikut Program</th> <th>Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Phd</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>1 Master Tesis</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>1 Master Projek</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>1 Latihan Industri / Praktikum</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table>	Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata	1 Phd	50	1 Master Tesis	25	1 Master Projek	6	1 Diploma Siswazah	4	1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	3	1 Latihan Industri / Praktikum	1	Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata	1 Phd	40	1 Master Tesis	20	1 Master Projek	0	1 Diploma Siswazah	0	1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	0	1 Latihan Industri / Praktikum	0	Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata	1 Phd	40	1 Master Tesis	20	1 Master Projek	0	1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	0	1 Latihan Industri / Praktikum	0	<p>Bil Penyeliaan = jumlah semua pelajar Latihan Industri, tamhidi, sarjana muda, sarjana, P.H.D di bawah kendalian PYD.</p> <p>Isu:</p> <p>setakat ini sistem tidak termasuk latihan industri kerana tiada sistem yang merekod maklumat latihan industri</p> <p>Jawapan:</p> <p>Bil. Pelajar LI di input oleh user</p> <p>Penyelia Utama=Penyelia Tunggal</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyelia Bersama 80% drpd markah penuh Penyelia Utama 	<p>Skala Penilaian</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Markah</th> <th>Nilai Pencapaian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>91-100</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>81-90</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>71-80</td> <td>8</td> </tr> <tr> <td>61-70</td> <td>7</td> </tr> <tr> <td>51-60</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>41-50</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>31-40</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>21-30</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>11-20</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>1-10</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Pengiraan markah adalah samarata tanpa mengambilkira kategori gred Jawatan</p> <p>* Penyeliaan di Luar USIM = Penyelia Bersama perlu diambilkira</p>	Markah	Nilai Pencapaian	91-100	10	81-90	9	71-80	8	61-70	7	51-60	6	41-50	5	31-40	4	21-30	3	11-20	2	1-10	1
Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata																																																															
1 Phd	50																																																															
1 Master Tesis	25																																																															
1 Master Projek	6																																																															
1 Diploma Siswazah	4																																																															
1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	3																																																															
1 Latihan Industri / Praktikum	1																																																															
Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata																																																															
1 Phd	40																																																															
1 Master Tesis	20																																																															
1 Master Projek	0																																																															
1 Diploma Siswazah	0																																																															
1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	0																																																															
1 Latihan Industri / Praktikum	0																																																															
Bilangan Pelajar mengikut Program	Mata																																																															
1 Phd	40																																																															
1 Master Tesis	20																																																															
1 Master Projek	0																																																															
1 Pelajar prasiswazah (Projek Ilmiah)	0																																																															
1 Latihan Industri / Praktikum	0																																																															
Markah	Nilai Pencapaian																																																															
91-100	10																																																															
81-90	9																																																															
71-80	8																																																															
61-70	7																																																															
51-60	6																																																															
41-50	5																																																															
31-40	4																																																															
21-30	3																																																															
11-20	2																																																															
1-10	1																																																															

Sistem ePrestasi Akademik

KUALITI HASIL KERJA (44 MARKAH)		
(i) Penilaian P&P (Penilaian Kursus)	<p style="text-align: center;">e-nilai(domain Teaching)</p> <p>Penilaian P&P = jumlah purata peratusan bagi setiap subjek.</p> <p style="text-align: center;"><i>* Markah diambil dari Domain → teaching (ambil peratusan purata teaching)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda aras ialah 100% • Markah penuh=8 • Purata Penilaian = (Bil Pelajar Kursus1 X Penilaian Kursus1 (enilai)) + (Bil Pelajar Kursus2 X Penilaian Kursus2 (enilai)) ++.. / (Jum Bil pelajar semua kursus) • Formula→Markah = <u>Purata Penilaian</u> X 8 <b style="text-align: center;">100
(ii) Pengurusan kursus (Penilaian Kursus)	<p style="text-align: center;">e-nilai(domain Assessment on course management)</p> <p>Pengurusan Kursus = jumlah purata peratusan bagi setiap subjek.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda aras ialah 100% • Markah penuh=8 • Purata Penilaian = (Bil Pelajar Kursus1 X Penilaian Kursus1 (enilai)) + (Bil Pelajar Kursus2 X Penilaian Kursus2 (enilai)) ++.. / (Jum Bil pelajar semua kursus) • Formula→Markah = <u>Purata Penilaian</u> X 8 <b style="text-align: center;">100
(iii) Sikap dan sahsiah semasa P&P (Penilaian Kursus)	<p style="text-align: center;">e-nilai(domain Attitude)</p> <p>Sikap dan sahsiah = jumlah purata peratusan bagi setiap subjek.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda aras ialah 100% • Markah penuh=8 • Purata Penilaian = (Bil Pelajar Kursus1 X Penilaian Kursus1 (enilai)) + (Bil Pelajar Kursus2 X Penilaian Kursus2 (enilai)) ++.. / (Jum Bil pelajar semua kursus) • Formula→Markah = <u>Purata Penilaian</u> X 8 <b style="text-align: center;">100
(iv) Penggunaan e-Learning dalam P&P (myLMS)	Tiada sumber data	<ul style="list-style-type: none"> • Markah penuh 10 • Markah diinput oleh PPP
	* akan ambil drpd enilai (domain mylms) next sem	

Sistem ePrestasi Akademik

	<p>(v) Penyediaan soalan ujian/peperiksaan</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #0056b3; color: white;"> <th style="text-align: left;">Keterangan</th> <th style="text-align: center;">Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <td>Ketepatan Masa</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <td>Kualiti</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Mata	Ketepatan Masa	10	Kualiti	10	<p style="text-align: center;">Tiada sumber data</p> <ul style="list-style-type: none"> * Tertakluk kpd budi bicara Dekan Fakulti –Jwt Penaksiran Soalan * Dengan merujuk kepada Penilaian daripada JK Taksir soalan / Moderator 	<ul style="list-style-type: none"> • Markah penuh 5 • Markah diinput oleh PPP/PPK
Keterangan	Mata								
Ketepatan Masa	10								
Kualiti	10								
	<p>(vi) Kemasukan markah/Laporan penyelia</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #0056b3; color: white;"> <th style="text-align: left;">Keterangan</th> <th style="text-align: center;">Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <td>Ketepatan Masa</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <td>Kualiti</td> <td style="text-align: center;">10</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Mata	Ketepatan Masa	10	Kualiti	10	<p style="text-align: center;">Tiada sumber data</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Markah penuh 5 • Markah diinput oleh PPP/PPK
Keterangan	Mata								
Ketepatan Masa	10								
Kualiti	10								

KEBERKESANAN HASIL KERJA (10 MARKAH)		
(i) Penerapan Kemahiran Insaniah dalam P&P	<p>e-nilai(domain Application of Soft Skills Assesment)</p> <p>Penerapan Kemahiran Insaniah = jumlah purata peratusan bagi setiap subjek.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda aras ialah 100% • Markah penuh=10 • Purata Penilaian = $\frac{(\text{Bil Pelajar Kursus1} \times \text{Penilaian Kursus1 (enilai)}) + (\text{Bil Pelajar Kursus2} \times \text{Penilaian Kursus2 (enilai)}) + \dots}{(\text{Jum Bil pelajar semua kursus})}$ • Formula→Markah = $\frac{\text{Purata Penilaian}}{100} \times 10$
USAHA KE ARAH KECEMERLANGAN (6 MARKAH)		
(i) Menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan	<p>Munazzim & U-Event</p> <p>Bilangan latihan yang dipilih daripada senarai latihan munazzim & Rekod Kehadiran dari U-Event</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tanda aras ialah 42 jam (mata CPD) • Markah penuh=6 • Formula = $\frac{\sum \text{jam hadir}}{42} \times 6$

(B) Penulisan dan Penerbitan

KRITERIA (Dinilai berasaskan SKT)	Catatan	Tindakan (Setuju / Tidak Setuju)																																																											
KUANTITI HASIL KERJA (30 MARKAH)																																																													
<p>(i) Bilangan buku yang dihasilkan</p> <table border="1" data-bbox="201 583 604 1162"> <thead> <tr> <th>Jenis buku</th> <th>Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>TB</td><td>50</td></tr> <tr><td>RB</td><td>40</td></tr> <tr><td>P</td><td>30</td></tr> <tr><td>G</td><td>30</td></tr> <tr><td>D</td><td>25</td></tr> <tr><td>TBP</td><td>20</td></tr> <tr><td>MS</td><td>4</td></tr> <tr><td>MO</td><td>12</td></tr> <tr><td>MG</td><td>10</td></tr> <tr><td>EB</td><td>30</td></tr> <tr><td>ELB</td><td>30</td></tr> </tbody> </table>	Jenis buku	Mata	TB	50	RB	40	P	30	G	30	D	25	TBP	20	MS	4	MO	12	MG	10	EB	30	ELB	30	<p>e-Akademik</p> <p>Jumlah semua jenis buku (D, G, M, P, RB, SB, TB)</p> <p>D - DICTIONARY G - GENERAL BOOK P - POPULAR BOOK RB - REFERENCE BOOK TB – TEXTBOOK TBP – TRANSLATED BOOK EB – EDITED BOOK / COMPILATION BOOK ELB – ELECTRONIC BOOK</p> <p>*MO – MODULE / AMALI – artikel *MG – MONOGRAPH – penulisan popular *masuk diruang berkaitan</p> <p>Isu:</p> <p>Jika buku telah siap tetapi masih dalam queue untuk diterbitkan. Adakah buku itu boleh dinilai untuk tahun penilaian</p> <p>Jawapan: Buku dinilai tetapi dikira sebagai MANUSCRIPT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penulis bersama dinilai dengan markah yg sama. • Berdasarkan kepada 1 Buku • Σ buku X markah 	<table border="1" data-bbox="1270 587 1890 992"> <thead> <tr> <th>Kat 1</th> <th>Kat 2</th> <th>Kat 3</th> <th>Kat 4</th> <th>Nilai Pencapaian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td>>40</td> <td>>30</td> <td>>20</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td></td> <td>33-40</td> <td>25-30</td> <td>17-20</td> <td>27</td> </tr> <tr> <td></td> <td>25-32</td> <td>19-24</td> <td>13-16</td> <td>24</td> </tr> <tr> <td></td> <td>17-24</td> <td>13-18</td> <td>9-12</td> <td>21</td> </tr> <tr> <td></td> <td>9-16</td> <td>7-12</td> <td>5-8</td> <td>18</td> </tr> <tr> <td></td> <td>1-8</td> <td>1-6</td> <td>1-4</td> <td>15</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">Jadual B.1(i)</p>	Kat 1	Kat 2	Kat 3	Kat 4	Nilai Pencapaian		>40	>30	>20	30		33-40	25-30	17-20	27		25-32	19-24	13-16	24		17-24	13-18	9-12	21		9-16	7-12	5-8	18		1-8	1-6	1-4	15
Jenis buku	Mata																																																												
TB	50																																																												
RB	40																																																												
P	30																																																												
G	30																																																												
D	25																																																												
TBP	20																																																												
MS	4																																																												
MO	12																																																												
MG	10																																																												
EB	30																																																												
ELB	30																																																												
Kat 1	Kat 2	Kat 3	Kat 4	Nilai Pencapaian																																																									
	>40	>30	>20	30																																																									
	33-40	25-30	17-20	27																																																									
	25-32	19-24	13-16	24																																																									
	17-24	13-18	9-12	21																																																									
	9-16	7-12	5-8	18																																																									
	1-8	1-6	1-4	15																																																									

	<p>(ii) Bilangan artikel/kertas kerja yang dihasilkan (diterbitkan / dibentangkan)</p> <table border="1" data-bbox="201 391 604 493"> <thead> <tr> <th data-bbox="201 391 434 448">Bil. Artikel/kertas kerja</th> <th data-bbox="434 391 604 448">Mata</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="201 448 434 493">1</td> <td data-bbox="434 448 604 493">10</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Artikel/kertas kerja	Mata	1	10	<p>eAkademik → Publication</p> <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan kepada 1 artikel dihasilkan = yg telah diterbitkan 	<p>Rujuk Jadual B.1(i)</p>
Bil. Artikel/kertas kerja	Mata						
1	10						
